

# Alyahaziqah kembali tuai emas di trek SUKIPT 2022



**ALYHAZIQAHAH (kiri) berjaya merangkul pingat emas acara 5,000m biarpun sudah dua tahun tidak menyertai sebarang kejohanan.**

Oleh **MUHAMMAD RIDUAN MOHD. HANAFIAH**

**SELEPAS** dua tahun tidak menyertai sebarang kejohanan dan bergelut dengan jangkitan Covid-19, atlet jalan kaki, Nurul Alyahaziqah Kamarazaman kembali menuai emas dalam kariernya.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) tersebut bersemangat apabila muncul juara dalam acara 5,000 meter jalan kaki wanita dengan catatan 28 minit 04.93 saat (s) pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 di Stadium UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah semalam.

Atlet berusia 21 tahun dari Kelantan itu menewaskan pemenang pingat emas AUG 2022, Nurul Ashikin Hussin yang kecewa apabila penyertaan dibatalkan apabila melakukan kesilapan.

"Ini SUKIPT pertama dan saya gembira kerana dapat membantu UPM menyumbang pingat emas pada temasya kali ini. Saya teruja kerana kembali berada di podium kemenangan.

"Jika diikutkan, saya sepatutnya dapat pingat perak, tetapi Nurul Ashikin (Universiti Malaysia Pahang) yang ketika itu mendahului saingan dibatalkan kerana mungkin kerana melakukan kesalahan.

"Jadi, saya teruskan larian

dan menjuarai saingan ini. Sebenarnya saya tak jangka boleh menang acara ini kerana ia bukan acara kegemaran saya. Apapun, kemenangan ini sangat berbaloi kerana melakukan persiapan sebelum ke sini," katanya.

Pingat perak dimenangi atlet Universiti Sunway, Prithi Davina Ponraj yang menamatkan perlumbaan dengan catatan masa 39:06.97s, manakala gangsa dimenangi wakil Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).

Dalam pada itu, emas kedua UPM hadir menerusi acara lontar peluru wanita apabila atletnya, Nani Sahirah Maryata melakukan lontaran sejauh 13.2 meter (m) untuk meraih tempat pertama.